

Dr. Mahathir perlu mohon maaf secara terbuka kepada PM

UM-30/10/2006

KUALA TERENGGANU 29 Okt. - Badan Perhubungan UMNO Terengganu hari ini mendesak Tun Dr. Mahathir Mohamad memohon maaf secara terbuka kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berhubung kritikan keras beliau terhadap kepimpinan Perdana Menteri.

Setiausahanya, **Datuk Rosol Wahid** berkata, permohonan maaf daripada bekas Perdana Menteri itu adalah cara terbaik untuk menangani isu tersebut.

Bagaimanapun, beliau menegaskan, sebarang tindakan keras termasuk usaha memecat Dr. Mahathir daripada UMNO perlu dielakkan supaya parti tidak menghadapi masalah lebih besar terutama dari segi perpaduan ahli.

"Tun wajar diberi peluang untuk memohon maaf secara terbuka kepada Perdana Menteri sebelum sebarang tindakan diambil ke atas beliau," kata Rosol di sini.

Dr. Mahathir sebelum ini mengkritik secara terbuka kepimpinan Abdullah termasuk berhubung isu pembatalan jambatan bagi menggantikan Tambak Johor, pengeluaran permit mengimport kenderaan (AP) dan beberapa isu lain.

Bagi meredakan kekeruhan hubungan mereka, kedua-dua pemimpin itu mengadakan pertemuan pada 22 Oktober lalu, tetapi 17 jam selepas pertemuan tersebut Dr. Mahathir kembali mengkritik Abdullah.

Yang terbaru melalui sepucuk surat terbuka dalam satu laman web.

Sementara itu, di SUNGAI PETANI, Menteri Penerangan, **Datuk Seri Zainuddin Maidin** menyifatkan kritikan berterusan Dr. Mahathir terhadap Abdullah akan mendedahkan lebih banyak keburukan orang Melayu.

Kata beliau, lebih banyak perkara yang melibatkan kepentingan orang Melayu yang

tidak sepatutnya didedahkan akan terbongkar berikutan kritikan terbuka tersebut.

Sehubungan itu, beliau meminta semua pihak terutama media tidak memperbesar-besarkan isu pertelingkahan antara bekas Perdana Menteri itu dengan Abdullah supaya kepentingan orang Melayu terus terpelihara.

Di JOHOR BAHRU, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, **Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin** menyifatkan tindakan Dr. Mahathir itu sebagai lebih teruk daripada perbuatan Menteri Mentor Singapura, Lee Kuan Yew yang juga sering mengkritik kerajaan Malaysia.

Beliau berkata, Dr. Mahathir sebelum persaraannya boleh mengikuti jejak langkah Kuan Yew untuk terus kekal dalam kerajaan dan memastikan dasar-dasar pemerintahannya tidak diubah, tetapi beliau memilih untuk tidak berbuat demikian.

"Kalau Dr. Mahathir mahu apa yang dilakukannya diteruskan, dia boleh buat seperti Lee Kuan Yew, tetapi dia sendiri yang kata hendak bersara, katanya dia sudah lama dalam politik," kata Mohamed Khaled kepada pemberita semasa ditemui pada majlis rumah terbukanya di Dewan Serbaguna Taman Johor Jaya.

Di BACHOK, Timbalan Menteri Kewangan, **Datuk Dr. Awang Adek Hussin** berkata, seseorang yang berada dalam kerajaan dengan memegang jawatan tidak sepatutnya mengkritik kerajaan.

Menurutnya, jika hendak dilakukan juga, individu itu perlu berada di luar kerajaan.

Di BOTA, Menteri Besar Perak, **Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali** berkata, tindakan bekas Perdana Menteri itu berterusan mengkritik Abdullah tidak boleh diterima oleh ahli-ahli UMNO.

"Jika pembangkang menegur dan meng-

kritik secara terbuka, itu perkara biasa kerana sudah menjadi tugas mereka untuk menjatuhkan kerajaan," katanya.

Menurut Tajol Rosli, tindakan Dr. Mahathir itu dilihat melanggar tatasusila dan budaya Melayu yang sentiasa menghormati pemimpin, selain menunjukkan seolah-olah UMNO dan orang Melayu kini sudah berpecah-belah.

Beliau yang juga Pengerusi Badan Perhubungan UMNO negeri khuatir kritikan berterusan Dr. Mahathir itu akan menjejaskan UMNO pada pilihan raya umum akan datang, khususnya dalam usaha menawan semula Kelantan daripada Pas.

Di KUALA LUMPUR, Pengerusi Biro Ekonomi Pergerakan Pemuda UMNO, **Datuk Reeza Marican Naina Marican** meminta Dr. Mahathir menghentikan tindakan memperlekehkan dasar kerajaan serta pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).